



# Newsletter

Pusat Kemajuan Kerjaya dan Alumni

## SEPTEMBER 2021

f pkka UTHM

pkka\_UTHM

YouTube

pkka\_UTHM

<https://pkka.uthm.edu.my/>



### 'Meet & Hire' September 2021

M/s 2

### Alumni Career Talk Series - Gemas Johor Baharu Double Tracking : An Overview By UTHM Alumni

M/s 3



### Webinar Alumni Professional Talk Series: Route To Be Professional Engineer

M/s 3



No. Telefon PKKA:

Jab. Hubungan Alumni: 07-453 7119/7918/7873  
Jab. Latihan Industri: 07-453 7457/7093  
Jab. Kerjaya Pelajar: 07-453 7460/7918/7043

### Penerbitan:

#### Ketua Editor

Prof. Madya Ir. Dr. Muhammad Saufi bin Kamarudin

#### Editor

Ezuan bin Jamil

Nur Salina Pei binti Abdullah

#### Penulis

Awalludin bin Mohd Sujai

Megat Nor Hafiz bin Megat Azahari

#### Grafik

Nurul Hanani binti Salamat



## 'Meet & Hire' September 2021

**Job Centre UTHM**, di bawah Jabatan Kerjaya Pelajar, Pusat Kemajuan Kerjaya dan Alumni (PKKA) bekerjasama dengan pelbagai organisasi/industri luar bagi meneruskan penjelajahan pembangunan kerjaya pelajar dengan siri Meet & Hire September 2021.

Objektif utama program ini adalah untuk mendapatkan input mengenai organisasi luar serta program perkembangan kerjaya dan peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh panel jemputan. Pelbagai peluang pekerjaan yang ditawarkan secara terus kepada peserta yang berkelayakan. Bukan itu sahaja, peserta juga dapat berhubung secara terus dengan panel jemputan bagi mendapatkan pencerahan berkenaan dengan peluang perkembangan kerjaya dan pekerjaan yang ditawarkan.

Antara panel-panel jemputan yang terlibat ialah Cik Agnes Tan (wakil Hotel Equatorial Kuala Lumpur), Cik Abby Binti Abdul Rahid (wakil Komark International (M) Sdn Bhd), Dr. Salasiah Abbas (wakil ZMW Music World Graduate Professional Development) dan En. Tengku Ariffudin Bin Tengku Fadlong (wakil MaRii).

Penganjuran ini melibatkan 120 peserta melibatkan Alumni dan Pelajar UTHM yang dilaksanakan sepenuhnya secara atas talian.




## Alumni Career Talk Series - Gemas Johor Baharu Double Tracking : An Overview By UTHM Alumni

**15 SEPTEMBER 2021 (RABU)**, telah berlangsungnya "Alumni Career Talk Series - Gemas Johor Baharu Double Tracking : An Overview By UTHM Alumni" secara atas talian menerusi pautan Zoom dan juga penggunaan Facebook Live page PKKA. Penceramah merupakan Alumni FKAAB UTHM 2015 iaitu Pn. Afiqah Zalifah binti Ahmad Zaidi, yang kini merupakan YTL, Stakeholder Department, Liaison Officer di Kuala Lumpur.

Beliau banyak berkongsikan pengalaman semasa di tempat kerja termasuk cara mengatasi masalah di tempat kerja dan juga apa yang kita perlu tekankan dalam pekerjaan. Beliau menasihatkan supaya kita bijak mengatasi masalah yang melibatkan pelanggan dan orang awam. Contohnya ketika proses pemasangan pagar di tapak pembinaan keretapi yang melibatkan pokok milik orang awam, kita perlu mencari siapa tuan punya pokok tersebut dan bincang dengan lebih lanjut kerana ia melibatkan hak orang lain.



Beliau juga menasihatkan supaya membuat perancangan awal dalam menyelesaikan masalah antaranya mencari punca permasalahan, membuat pemeriksaan teliti, membuat rumusan yang perlu ada persetujuan sebulat suara.

Program yang berlangsung selama 1 jam itu turut dihadiri oleh seramai 25 penyertaan daripada kalangan Alumni dan pelajar UTHM.





## Webinar Alumni Professional Talk Series: *Route To Be Professional Engineer*



**25 SEPTEMBER 2021 (SABTU)**, telah berlangsungnya "Webinar Alumni Professional Talk Series: Route To Be Professional Engineer" secara atas talian menerusi pautan Zoom dan juga penggunaan Facebook Live page PKKA. Kedua penceramah jemputan merupakan Alumni FKMP UTHM 2006 iaitu Ir. Ts. Mohd Hafiz bin Mohd Ali yang kini merupakan Jurutera Mekanikal Jabatan Kerja Raya (JKR), Selangor dan Ir. Ts. Mohd Hisam bin Sa'at yang kini berjawatan sebagai Ketua Penolong Pengarah (Jurutera Mekanikal) Kementerian Kesihatan Malaysia (Putrajaya).

Sepanjang program webinar ini berlangsung kedua penceramah banyak berkongsikan pengalaman dan juga persediaan untuk menjadi *Professional Engineer* antaranya saranan supaya berdaftar terlebih awal dengan BEM atau mencari mentor yang bertauliah supaya dapat membantu perjalanan proses mendapatkan gelaran *Professional Engineer*. Mereka juga memberi petua semasa temuduga antaranya soalan perlulah dijawap berpandukan laporan yang telah disediakan dan perlu lengkap dengan penjelasan dan rumusan yang lebih teliti.

Penceramah juga memaklumkan proses yang perlu ada antaranya menyediakan laporan teknikal, latihan dan pengalaman dalam sesi temuduga. Beliau juga memaparkan apa yang dilihat oleh penemuduga dari laporan tersebut termasuk carta organisasi pekerjaan di mana kita berada supaya dapat mengenal pasti keberadaan dan tanggungjawab kita di dalam pekerjaan.

Program yang berlangsung selama 2 jam itu turut dihadiri oleh seramai 80 penyertaan daripada kalangan Alumni dan pelajar UTHM.



*Selamat Maju Jaya*  
**PROF.**



Buah Pauh Delima Batu,  
Anak Sembilang Di Tapak Tangan,  
Walau Jauh Beribus Batu,  
Hilang Di Mata Di Hati Jangan.

Ikhlas daripada  
Pusat Kemajuan Kerjaya dan Alumni UTHM

**PROF. IR. DR. MD SAIDIN BIN WAHAB**

PENGARAH PUSAT KEMAJUAN KERJAYA DAN ALUMNI  
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

Temoh Berkhidmat: 01 Nov 2018 - 31 Ogos 2021



**Tahniah**  
& SELAMAT DATANG

YBRS. PROF. MADYA IR. DR.  
**MUHAMMAD SAUFI BIN KAMARUDIN**

Pengarah Pusat Kemajuan Kerjaya dan Alumni  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

berkuatkuasa mulai  
**1 September 2021**



Ikhlas Daripada Pusat Kemajuan Kerjaya dan Alumni



## TUJUAN UMUM SKPG

Mendapat gambaran sebenar kebolehdapatan kerja 'Employability' dalam kalangan graduan baru

Memahami isu-isu berkaitan pekerjaan, kebolehpasaran 'Marketability', 'Employability' dan majikan graduan

Mendapat maklum balas daripada graduan berkaitan beberapa aspek penting institusi

Membantu kerajaan dalam membuat keputusan dan mengubah polisi berkaitan pekerjaan graduan berdasarkan fakta yang jelas

## CAPAIAN SKPG



<http://great.mohe.gov.my>



SKPG1

Jangka masa yang diambil untuk melengkapkan kajian :  
10~15 minit

<http://pkka.uthm.edu.my>



## DEFINISI BEKERJA

Seorang yang menjalankan sesuatu perniagaan, perusahaan ladang atau perniagaan lain dan menggaji seorang pekerja atau lebih untuk menolongnya

### MAJIKAN

Seorang yang bekerja untuk majikan sektor awam atau swasta atau dengan keluarga dan menerima ganjaran tetap seperti upah, gaji, komisen, tip atau ganjaran yang berbentuk mata benda

### PEKERJA

(kerjaya / swasta / bekerja dengan keluarga dengan upah/gaji)

Seorang yang mengusahakan ladang, perniagaan atau perusahaan sendiri tanpa menggaji pekerja di ladang, perniagaan dan perusahaannya

### BEKERJA SENDIRI

Seorang yang bekerja tanpa menerima sebarang bayaran atau upah di ladang, perniagaan atau perusahaan yang dijalankan oleh ahli keluarganya yang lain

### BEKERJA DENGAN KELUARGA

(tiada upah/gaji)



Pihak PTPTN akan kejar graduan untuk langsungkan hutang sekiranya graduan telah bekerja?



Sekiranya pilih Bekerja, maka akan lebih panjang lebar soalan-soalan seterusnya?

## TEPIS MITOS SKPG



Sekiranya pilih Bekerja dikuatirinya tidak dapat posting?



Data akan dikongsi dengan pihak-pihak lain?



Maklum balas graduan akan dipelihara sebagai SULIT



Respons graduan akan digunakan sebagai rumusan dalam laporan kajian



Bahagian yang perlu dijawab adalah SAMA samada pilih Bekerja atau Belum Bekerja



<http://pkka.uthm.edu.my>

# Jom Wakaf

## MUSHAF AL-QURAN

### ALUMNI UTHM

#### TERBUKA KEPADA ORANG RAMAI

Apabila meninggalnya seorang anak Adam itu, maka putuslah semua amal kecuali  
**Sedekah Jariah (Wakaf), Ilmu Yang Bermanfaat & Anak Yang Soleh  
Yang Mendoakan Kedua ibu Bapanya.** - Hadis Riwayat Muslim

Sedekah Pahala  
Wakaf Anda  
Kepada

- Diri Sendiri
- Ibu Bapa
- Guru/Pensyarah
- Ahli Keluarga
- Insan Tersayang

Al-Quran diwakafkan  
kepada Pelajar  
**BAHARU UTHM**



Sila layari pautan: <https://bit.ly/alquranuthm>

Nama Akaun

Nama Bank

No. Akaun

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

BANK MUAMALAT

01070000001716

Catatan: Al-Quran



*1 Pelajar 1 Al-Quran*  
**SENASKHAH RM35**

Kerjasama:

# Jom Sertai Endowmen TAMAN ALUMNI UTHM



## TAMAN ALUMNI

Kawasan cadangan bersebelahan dengan Hangar Penyelenggaraan Aeronautik Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan

Cadangan Pokok: Bucida Molineti / Bucida Putih

# 1 Pokok 1 Alumni

# RM500

# 1 BAHAGIAN RM50

Nama Penyumbang akan ditempatkan pada Plat Nama Penyumbang

Sila layari pautan: <https://bit.ly/tamanalumni>



Nama Akaun

Nama Bank

No. Akaun

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA | BANK MUAMALAT | 01070000001716

Catatan: tamanalumni

# Dapatkan **KAD DEBIT-i** **BANK ISLAM VISA UTHM ALUMNI**

Di cawangan-cawangan Bank Islam terdekat dengan anda\*\* !

**BAHARU**



## SENARAI CAWANGAN BANK ISLAM UNTUK KAD DEBIT-i UTHM ALUMNI

Negeri Johor	Lembah Klang/Selangor	Cawangan Berhampiran (Di luar Johor)
1. Johor Bahru 2. Batu Pahat 3. Muar 4. Kluang 5. Kota Tinggi 6. Pontian 7. Kulaijaya 8. Bandar penawar 9. Taman Bukit Indah 10. Austin height 11. Mersing 12. Segamat <span style="color:red">BAHARU</span> 13. Tampoi <span style="color:red">BAHARU</span> 14. Pasir Gudang <span style="color:red">BAHARU</span> 15. Aero Mall Airport <span style="color:red">BAHARU</span> 16. IFSC Johor Bahru <span style="color:red">BAHARU</span>	1. Menara Bank Islam 2. Medan Mara <span style="color:red">BAHARU</span> 3. bandar Baru Bangi <span style="color:red">BAHARU</span> 4. Bandar Wawasan <span style="color:red">BAHARU</span> 5. Putrajaya <span style="color:red">BAHARU</span> 6. Ampang <span style="color:red">BAHARU</span> 7. Bandar Tasik Permaisuri <span style="color:red">BAHARU</span> 8. Bandar Enstek <span style="color:red">BAHARU</span> 9. IFIC Putrajaya <span style="color:red">BAHARU</span>	1. Seremban <span style="color:red">BAHARU</span> 2. Bandar Melaka <span style="color:red">BAHARU</span> 3. Tampin <span style="color:red">BAHARU</span> 4. Masjid Tanah <span style="color:red">BAHARU</span> 5. Jasin <span style="color:red">BAHARU</span> 6. Port Dickson <span style="color:red">BAHARU</span> 7. Kuala Pilah <span style="color:red">BAHARU</span> 8. Bandar Baru Nilai <span style="color:red">BAHARU</span> 9. Ayer Keroh <span style="color:red">BAHARU</span> 10. Senawang <span style="color:red">BAHARU</span> 11. Bandar Kaba <span style="color:red">BAHARU</span>

*alumniuthm*

STORE



## Membeli Sambil Menyumbang

"TABUNG DERMASI SWAZAH ALUMNI"

SILA LAYARI:

<https://alumniuthmstore.com>

Instagram


[pkka\\_uthm](#)

[PKKA UTHM](#)

[pkka UTHM](#)

<https://pkka.uthm.edu.my/>

<https://jobcentre.uthm.edu.my/>

Secure A Smooth Transition into  
Your New Career


**PKKA**  
Centre of Career Advancement and Alumni, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

**JOB CENTRE**  
@UTHM

## DON'T FORGET TO LIKE, FOLLOW & SUBSCRIBE

# Our Social Media

PUSAT KEMAJUAN KERJAYA DAN ALUMNI  
Centre of Career Advancement and Alumni

STAY CONNECTED!

